




GARIS PANDUAN
TATACARA BERPAKAIAN
UNTUK PENERIMA DAN TETAMU
SEMASA MENGHADIRI
RAPTAI DAN HARI ISTIADAT
PENGURNIAAN
DARJAH KEBESARAN,
BINTANG DAN PINGAT
WILAYAH PERSEKUTUAN
(DKBPWP)




DIKEMASKINI: JANUARI 2025

ISI KANDUNGAN



PERKARA	MUKA SURAT
GLOSARI	4
TATACARA BERPAKAIAN BAGI PENERIMA DKBPWP	7
• Panduan am	9
• Tatacara berpakaian untuk penerima (lelaki) DKBPWP	11
➤ Hari Raptai	13
➤ Hari Istiadat	17
• Tatacara berpakaian untuk penerima (wanita) DKBPWP	23
➤ Hari Raptai	25
➤ Hari Istiadat	30
TATACARA BERPAKAIAN BAGI TETAMU DKBPWP	39
• Panduan am	41
• Tatacara berpakaian untuk tetamu (lelaki)	
➤ Hari Istiadat	47
• Tatacara berpakaian untuk tetamu (wanita)	
➤ Hari Istiadat	51
CONTOH PAKAIAN DAN KASUT YANG TIDAK DIBENARKAN	58
ADAB DALAM BALAIRONG SERI	59

GLOSARI



BIL.	PERKARA	MAKSUD
1	Warna Diraja	Warna diraja ialah warna kuning diraja dan biru diraja. Tidak dibenarkan sedondon, perlulah bercorak dan sopan.
2	Warna rambut yang tidak sesuai	Mewarnakan rambut dengan warna selain warna asal atau berwarna-warni. Rambut hendaklah diurus dengan kemas.
3	Pakaian bekerja	Bagi Pegawai Tentera/ Pegawai Warden/Polis dan lain-lain pegawai Kerajaan yang berpakaian seragam, dibenarkan memakai pakaian bekerja pada hari raptai sahaja.
4	Aksesori berlebihan	Alat perhiasan yang dipakai secara berlebihan atau sangat banyak atau mengeluarkan bunyi yang boleh mengganggu istiadat.

BIL.	PERKARA	MAKSUD
5	Diplomat	Pegawai kanan (duta dan lain-lain) yang dilantik untuk mewakili negaranya dalam hubungan antarabangsa.
6	Hari Kalung	Pada setiap tahun, 1 Februari telah diisytiharkan sebagai Hari Kalung Wilayah Persekutuan. Bagi individu yang telah dikurniakan darjah kebesaran, hendaklah memakai kalung pada hari tersebut.
7	Hari Istiadat	Hari rasmi bagi menyambut Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan.
8	Hari Raptai	Simulasi dan latihan untuk persediaan sebelum Istiadat DKBPWP.



TATACARA
BERPAKAIAN
BAGI PENERIMA
DKBPWP



PANDUAN AM



1. Garis panduan berpakaian bagi penerima DKBPWP adalah terpakai bagi raptai dan hari Istiadat.
2. Penerima/tetamu yang memasuki kawasan Istana Negara perlu berpakaian sopan dan beradab. Pihak urus setia dan Istana Negara berhak untuk menghalang penerima/tetamu daripada memasuki Balairung Seri sekiranya tidak mematuhi garis panduan yang telah dinyatakan.
3. Tatacara pemakaian bagi penerima adalah berbeza pada hari Raptai dan Hari Istiadat. Setiap penerima perlu meneliti kategori masing-masing dan memadankan dengan tatacara yang sesuai.
4. Penerima-penerima yang telah dikurniakan apa-apa darjah kebesaran, bintang atau pingat sebelum ini TIDAK DIBENARKAN memakainya pada Hari Raptai atau Hari

Istiadat. Ini bagi membolehkan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan dapat disematkan dengan kemas dan sempurna.

5. Warna pakaian hendaklah selain warna diraja atau putih sedondon. Pakaian hendaklah mempunyai corak yang sesuai.
6. Pakaian yang telah ditentukan mengikut tatacara sahaja yang DIBENARKAN berada di dalam kawasan Istana Negara semasa hari raptai dan istiadat.
7. Rambut, janggut dan misai bagi penerima lelaki hendaklah pendek, kemas dan rapi serta tidak diwarnakan dengan warna yang tidak sesuai. Begitu juga kepada penerima wanita, rambut hendaklah kemas dan rapi serta tidak diwarnakan dengan warna yang tidak sesuai.
8. Tatacara dan adab yang diisytiharkan bagi istiadat ini mungkin berbeza dari istiadat-istiadat yang lain dan hendaklah diikuti. Kegagalan akan mengakibatkan tegahan daripada memasuki Istana Negara.



TATACARA
BERPAKAIAN
UNTUK
PENERIMA LELAKI
DKBPWP



TATACARA BERPAKAIAN UNTUK PENERIMA LELAKI



HARI RAPTAI

Bagi **penerima** lelaki **dimestikan** berpakaian salah satu daripada pakaian-pakaian berikut:

- i. Baju Melayu;
- ii. *Lounge Suit*; atau
- iii. Pakaian bekerja

DESKRIPSI

Baju Melayu

Bagi penerima beragama Islam, Baju Melayu perlu dipakai secara lengkap dengan mengikuti tatacara seperti berikut:

- i. Baju Melayu dibenarkan berwarna selain hitam dan warna diraja serta putih sedondon;
- ii. Baju Melayu hendaklah dengan reka bentuk leher Cekak Musang dengan berbutang lima;

- iii. bersongkok baldu hitam (sederhana tinggi);
- iv. bersampin songket.
- v. memakai sarung kaki berwarna hitam; dan
- vi. berkasut kulit hitam, bertumit sederhana tinggi dan berkilat.

Lounge Suit

Semua penerima lelaki, sama ada diplomat, penerima luar negara atau tempatan **dibolehkan** memakai *Lounge Suit* dengan mengikuti tatacara seperti berikut:


- i. *Lounge Suit* hendaklah berwarna hitam dan tidak bercorak atau bertekstur;
- ii. memakai songkok baldu hitam;
- iii. memakai baju kemeja lengan panjang berwarna cerah (*pastel*);
- iv. bertali leher berwarna gelap dan bukan warna diraja;
- v. bersarung kaki berwarna hitam; dan
- vi. berkasut kulit hitam, bertumit sederhana tinggi dan berkilat.

Lounge Suit yang selain daripada warna hitam, berbentuk *Sports Jacket* atau mempunyai reka bentuk yang tidak sesuai dengan majlis raptai
TIDAK AKAN DIBENARKAN MEMASUKI BALAIRUNG SERI.

Pakaian bekerja

Bagi Pegawai Tentera/Pegawai Warden/Polis dibenarkan memakai pakaian bekerja.

CONTOH PAKAIAN PENERIMA LELAKI YANG DIBENARKAN SEMASA HARI RAPTAI



Baju Melayu

- Selain warna diraja/ hitam/putih
- Leher cekak musang butang lima
- Sampin songket

← Songkok
baldu hitam
(sederhana tinggi) →



Lounge Suit

- Sarung kaki hitam tidak bercorak
- Kasut hitam, berkilat dan sederhana tinggi



- Hitam, tidak bercorak
- Baju kemeja lengan panjang warna cerah (pastel)
- Tali leher gelap bukan warna diraja

TATACARA BERPAKAIAN UNTUK PENERIMA LELAKI



HARI ISTIADAT

Bagi **penerima** lelaki **dimestikan** berpakaian salah satu daripada pakaian-pakaian berikut:

- i. Pakaian Istiadat/Seragam No. 1;
- ii. Pakaian Darjah Wilayah Persekutuan;
- iii. Baju Melayu; atau
- iv. *Lounge Suit*.

DESKRIPSI

Pakaian Istiadat/Seragam No. 1

Pakaian Istiadat/Seragam No. 1 perlu dipakai secara lengkap serta hanya boleh dipakai bagi mereka yang **berhak memakainya**, terdiri daripada **Pegawai-pegawai Kerajaan** yang telah diisytiharkan mempunyai Pakaian Istiadat (umpamanya pegawai PTD/ahli Parlimen/Polis/Tentera dan lain-lain).

Semua poket dan tempat penyangkut hendaklah dikosongkan daripada sebarang darjah kebesaran, bintang, pingat atau aksesori lain.

Bagi penerima berpakaian Pakaian Istiadat/Seragam No.1 yang mempunyai pedang dan sarung tangan, aksesori tersebut **tidak boleh dipakai**.

Pakaian Darjah Wilayah Persekutuan

Pakaian Darjah Wilayah Persekutuan perlu dipakai secara lengkap serta hanya boleh dipakai bagi mereka yang dikurniakan Darjah Kebesaran S.U.M.W., S.M.W. dan P.M.W. sahaja.

Pakaian Darjah Wilayah Persekutuan hendaklah dipasang dengan epolet (*epaulet*) dan gojet (*georgette*) Wilayah Persekutuan sahaja.

Semua poket dan tempat penyangkut hendaklah dikosongkan daripada sebarang darjah kebesaran, bintang, pingat atau aksesori lain.

Pin penyangkut darjah kebesaran hendaklah dipasang secara kemas dan tertib bagi memastikan darjah kebesaran yang diterima dapat dikurniakan secara sempurna.

Baju Melayu

Bagi penerima yang memilih untuk memakai Baju Melayu, ia perlu dipakai secara lengkap dengan mengikuti tatacara seperti berikut:

- i. Baju Melayu Cekak Musang berwarna hitam dengan berbutang lima;
- ii. bersongkok baldi hitam (sederhana tinggi);
- iii. bersampin songket hitam berbenang emas sahaja;
- iv. memakai sarung kaki berwarna hitam; dan
- v. berkasut kulit hitam, bertumit sederhana tinggi dan berkilat.

Pin penyangkut darjah kebesaran, bintang atau pingat hendaklah dipasang secara kemas dan tertib bagi memastikan darjah kebesaran yang diterima dapat dikurniakan secara sempurna.


Lounge Suit

Bagi penerima bukan beragama Islam, para diplomat serta tetamu dari luar negara **dibolehkan** memakai *Lounge Suit* dengan mengikuti tatacara seperti berikut:

- i. *Lounge Suit* hendaklah berwarna hitam dan tidak bercorak atau bertekstur;
- ii. memakai baju kemeja lengan panjang berwarna cerah (*pastel*);
- iii. memakai songkok baldi warna hitam;
- iv. bertali leher warna gelap dan bukan warna diraja;
- v. bersarung kaki berwarna hitam; dan
- vi. berkasut kulit hitam, bertumit sederhana tinggi dan berkilat.

Lounge Suit yang selain warna hitam, berbentuk *Sports Jacket* atau mempunyai reka bentuk yang tidak sesuai dengan Istiadat **TIDAK AKAN DIBENARKAN MEMASUKI BALAIRUNG SERI.**

CONTOH PAKAIAN PENERIMA LELAKI YANG DIBENARKAN SEMASA HARI ISTIADAT



(Pakaian Istiadat/
Seragam No.1)



(Pakaian Darjah)



(Baju Melayu)




(Lounge Suit)



Epolet dan Gojet
Wilayah Persekutuan



PAKAIAN DARJAH WILAYAH PERSEKUTUAN UNTUK PENERIMA DARJAH KEBESARAN S.U.M.W., S.M.W. DAN P.M.W. (LELAKI)



Songkok

- Baldu hitam
- Jalur emas selebar 1.5 cm di tengah
- Jata Persekutuan berwarna emas di kiri bucu hadapan

Epolet



Gojet



Seluar

Kasut hitam

- Bertutup penuh

Sarung kaki
berwarna hitam


- Tanpa corak



TATACARA
BERPAKAIAN
UNTUK
PENERIMA WANITA
DKBPWP



TATACARA BERPAKAIAN UNTUK PENERIMA WANITA



HARI RAPTAI

Bagi penerima wanita dimestikan berpakaian salah satu daripada pakaian-pakaian berikut:

- i. Baju Kurung/Kebaya Labuh; atau
- ii. Pakaian Kebangsaan.

DESKRIPSI

Baju Kurung/Kebaya Labuh

Penerima yang memilih untuk memakai Baju Kurung/ Kebaya Labuh hendaklah dipakai dengan mengikuti tatacara seperti berikut:

- i. berbaju kurung atau berkebaya labuh melebihi paras punggung (tidak ketat, tidak jarang, tidak terdedah di bahagian dada dan kainnya mestilah tidak berbelah);
- ii. warna pakaian hendaklah tidak sedondon dan selain warna diraja atau putih sedondon. Pakaian hendaklah mempunyai corak yang sesuai;

- iii. yang bertudung tidak dibenarkan memakai selendang di bahu;
- iv. yang tidak bertudung diwajibkan memakai selendang mengikut tatacara memakai selendang yang ditetapkan.
- v. memakai kasut kulit hitam dan bertutup (hadapan dan belakang), bertumit sederhana tinggi serta digalakkan memakai sarung kaki.

Pakaian Kebangsaan

Pakaian Kebangsaan adalah seperti berikut:

i. Baju Kurung/Kebaya Labuh

- a) panduan pemakaian adalah seperti yang diterangkan di atas.

ii. Sari


- a) dipakai oleh wanita India;
- b) warna pakaian hendaklah tidak sedondon dan warna pakaian tersebut mestilah selain warna diraja atau putih sedondon. Pakaian hendaklah mempunyai corak yang sesuai;
- c) pemakaian sari hendaklah tidak mencolok mata dan perlu menutupi keseluruhan bahagian perut dan belakang badan;
- d) sari hendaklah labuh serta berlengan hingga ke paras siku;

- e) memakai kasut kulit hitam dan bertutup (hadapan dan belakang), bertumit sederhana tinggi; dan
- f) tidak memakai aksesori yang berlebihan.

iii. Cheongsam

- a) dipakai oleh wanita Cina;
- b) warna pakaian hendaklah selain warna diraja atau putih sedondon. Pakaian hendaklah mempunyai corak yang sesuai;
- c) pemakaian Cheongsam hendaklah tidak terlalu ketat, tidak mencolok mata dan perlu menutupi bahagian dada serta keseluruhan bahagian belakang badan;
- d) Cheongsam hendaklah labuh sehingga ke buku lali serta berlengan hingga ke paras siku;
- e) Cheongsam hendaklah tidak mempunyai sebarang belahan yang menampakkan bahagian betis;
- f) dimestikan memakai kasut kulit hitam dan bertutup (hadapan dan belakang), bertumit sederhana tinggi; dan
- g) tidak memakai aksesori yang berlebihan.

CONTOH PAKAIAN WANITA YANG DIBENARKAN SEMASA HARI RAPTAI



Baju Kurung
(bertudung)



Baju Kurung
(tidak bertudung,
wajib berselendang)




Baju Kebangsaan
(Sari)

Baju Kebangsaan
(Cheongsam)



TATACARA MEMAKAI SELENDANG



Cara 1 :



Cara 2 :




Selendang perlu
dipin dengan kemas
di bahu

Cara 3 :



TATACARA BERPAKAIAN UNTUK PENERIMA WANITA



HARI ISTIADAT

Bagi **penerima** wanita **dimestikan** berpakaian salah satu daripada pakaian-pakaian berikut:

- i. Pakaian Istiadat / Seragam No. 1;
- ii. Pakaian Darjah Wilayah Persekutuan;
- iii. Baju Kurung/Kebaya Labuh; atau
- iv. Pakaian Kebangsaan.

DESKRIPSI

Pakaian Istiadat/Seragam No. 1

Pakaian Istiadat/Seragam No. 1 perlu dipakai secara lengkap serta hanya boleh dipakai bagi mereka yang **berhak memakainya**, terdiri daripada **Pegawai-pegawai Kerajaan** yang telah diisytiharkan mempunyai Pakaian Istiadat/Seragam No. 1 (umpamanya pegawai PTD/ahli Parlimen/Polis/ Tentera dan lain-lain).

Semua poket dan tempat penyangkut hendaklah dikosongkan daripada sebarang darjah kebesaran, bintang, pingat atau aksesori lain.

Bagi penerima berpakaian seragam yang mempunyai pedang dan sarung tangan, aksesori tersebut tidak boleh dipakai.

Pakaian Darjah Wilayah Persekutuan

Pakaian Darjah Wilayah Persekutuan perlu dipakai secara lengkap serta hanya boleh dipakai bagi mereka yang dikurniakan Darjah Kebesaran S.U.M.W., S.M.W. dan P.M.W. sahaja.

Pakaian Darjah Wilayah Persekutuan hendaklah dipasang dengan epolet (*epaulet*) dan gojet (*georgette*) Wilayah Persekutuan sahaja.

Semua poket dan tempat penyangkut hendaklah dikosongkan daripada sebarang darjah kebesaran, bintang, pingat atau aksesori lain.

Pin penyangkut darjah kebesaran hendaklah dipasang secara kemas dan tertib bagi memastikan darjah kebesaran yang diterima dapat dikurniakan secara sempurna.

Baju Kurung/Kebaya Labuh

Bagi penerima yang memilih untuk memakai Baju Kurung/Kebaya Labuh hendaklah dipakai dengan mengikuti tatacara seperti berikut:

- i. berbaju kurung atau berkebaya labuh melebihi paras punggung (tidak ketat, tidak jarang, tidak terdedah di dada dan kainnya mestilah tidak berbelah);
- ii. warna pakaian hendaklah tidak sedondon dan warna pakaian tersebut mestilah selain warna diraja atau putih sedondon. Pakaian hendaklah mempunyai corak yang sesuai;

- iii. yang bertudung tidak dibenarkan memakai selendang di bahu;
- iv. yang tidak bertudung diwajibkan memakai selendang mengikut tatacara memakai selendang yang ditetapkan.
- v. memakai kasut kulit hitam dan bertutup (hadapan dan belakang), bertumit sederhana tinggi serta digalakkan memakai sarung kaki.

Pakaian Kebangsaan

Pakaian Kebangsaan adalah seperti berikut:

i. Baju Kurung/Kebaya Labuh

- a) panduan pemakaian adalah seperti yang diterangkan di atas.

ii. Sari


- a) dipakai oleh wanita India;
- b) warna pakaian hendaklah tidak sedondon dan warna pakaian tersebut mestilah selain warna diraja atau putih sedondon. Pakaian hendaklah mempunyai corak yang sesuai;
- c) pemakaian sari hendaklah tidak mencolok mata dan perlu menutupi keseluruhan bahagian perut dan belakang badan;

- d) sari hendaklah labuh serta berlengan hingga ke paras siku;
- e) memakai kasut kulit hitam dan bertutup (hadapan dan belakang), bertumit sederhana tinggi; dan
- f) tidak memakai aksesori yang berlebihan.

iii. Cheongsam

- a) dipakai oleh wanita Cina;
- b) warna pakaian hendaklah selain warna diraja atau putih sedondon. Pakaian hendaklah mempunyai corak yang sesuai;
- c) pemakaian Cheongsam hendaklah tidak terlalu ketat, tidak mencolok mata dan perlu menutupi bahagian dada serta keseluruhan bahagian belakang badan;
- d) Cheongsam hendaklah labuh sehingga ke buku lali serta berlengan hingga ke paras siku;
- e) Cheongsam hendaklah tidak mempunyai sebarang belahan yang menampakkan bahagian betis;
- f) dimestikan memakai kasut kulit hitam dan bertutup (hadapan dan belakang), bertumit sederhana tinggi; dan
- g) tidak memakai aksesori yang berlebihan.

CONTOH PAKAIAN PENERIMA WANITA YANG DIBENARKAN SEMASA HARI ISTIADAT



(Pakaian Istiadat/
Seragam No.1)



(Pakaian Darjah)



Baju Kurung
(bertudung)



Baju Kurung
(tidak bertudung,
wajib berselendang)



Epolet dan Gojet
Wilayah Persekutuan






Baju Kebangsaan
(Cheongsam)



Baju Kebangsaan
(Sari)



TATACARA MEMAKAI SELENDANG



Cara 1 :



Cara 2 :




Selendang perlu
dipin dengan kemas
di bahu

Cara 3 :



PAKAIAN DARJAH WILAYAH PERSEKUTUAN UNTUK PENERIMA DARJAH KEBESARAN S.U.M.W., S.M.W. DAN P.M.W. (WANITA)





TATACARA
BERPAKAIAN
BAGI TETAMU
DKBPWP



PANDUAN AM



1. Tetamu dalam garis panduan ini adalah merujuk kepada pasangan penerima dan tetamu jemputan hari Istiadat. Tempat duduk antara penerima dan tetamu adalah berasingan.
2. Garis panduan berpakaian bagi tetamu DKBWP adalah terpakai bagi hari Istiadat sahaja.
3. Pakaian Istiadat bagi tetamu hendaklah lengkap dengan Darjah Kebesaran, Bintang atau Pingat yang pernah diterima.
4. Semua kurniaan Persekutuan/Wilayah Persekutuan/Negeri mesti dipakai bersama dengan pakaian rasmi istiadat dengan protokol yang betul.
5. Pemakaian Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat (DKBP) mengambil keutamaan seperti turutan berikut:
 - a) Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan (DKBPP);

- b) Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP); dan
 - c) Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri (DKBPN).
6. Jika menerima dua atau lebih DKBP, panduan berikut boleh digunakan:
- a) Pemakaian hendaklah mengutamakan Darjah Kebesaran diikuti Bintang dan seterusnya Pingat; dan
 - b) Pemakaian DKBP bergantung juga kepada perkara-perkara berikut:
 - i. mengikut kekananan kurniaan tersebut;
 - ii. mengikut tarikh penerimaan kurniaan tersebut; atau
 - iii. penerima juga boleh mengutamakan Darjah Kebesaran yang diterima dari negeri kelahirannya.
7. Warna pakaian hendaklah selain daripada warna diraja atau putih sedondon. Pakaian hendaklah bercorak dan sopan.

TATACARA PEMAKAIAN KALUNG



1. Pada setiap tahun, 1 Februari telah diisytiharkan sebagai Hari Kalung. Individu yang telah dikurniakan darjah kebesaran, hendaklah memakai kalung pada hari tersebut.
2. Kalung hanya boleh dipakai pada waktu siang dan tidak boleh dipakai pada waktu malam.
3. Sekiranya tetamu mempunyai kurniaan Darjah Kebesaran melebihi daripada satu, Kalung dan selempang tersebut tidak boleh dipakai serentak dalam satu masa. Pemakaian adalah bagi darjah kebesaran yang utama sahaja.
4. Kalung hendaklah dipakai terletak sama labuhnya depan dan belakang serta dipin kemas pada pakaian.

TATACARA PEMAKAIAN BINTANG DARJAH (*BREAST STAR*)



1. Bintang Darjah hendaklah dipakai di sebelah kiri bahagian dada.
2. Pemakaian hendaklah tidak melebihi tiga bintang darjah pada satu masa.
3. Bintang darjah yang terkanan hendaklah disematkan di tengah-tengah saku baju (bucunya 0.5cm dari mulut saku).
4. Bintang Darjah yang kedua (jika ada) hendaklah disematkan di bawah dari yang pertama.
5. Jika memiliki tiga Bintang Darjah hendaklah disematkan dalam bentuk tiga segi dengan yang terkanan lebih hampir dengan tengah dada.

PAKAIAN DARJAH DENGAN BINTANG DARJAH DISUSUN DALAM BENTUK TIGA SEGI



Lencana Leher (Neck Order)

- Satu hingga tiga lencana leher boleh dipakai bersekali dengan yang terkanan berada di atas.
- Dipakai tergantung dengan pita reben yang disemat pada perumah dikolar baju.

Bintang dan Pingat

- Hendaklah dipakai di dada kiri. Sekiranya melebihi satu, hendaklah disusun lurus dan yang terkanan sekali diletakkan hampir dengan tengah dada.

Bintang Darjah

- Hendaklah dipakai di rusuk sebelah kiri bahagian dada.
- Bintang darjah yang terkanan hendaklah disematkan di tengah-tengah saku baju (bucunya 0.5 cm dari mulut saku).
- Tidak melebihi tiga bintang darjah dalam satu masa.

Kalung Darjah


- Hanya boleh dipakai pada Hari Kalung.
- Hanya satu kalung boleh dipakai dalam satu masa.
- Dipakai terletak sama labuh di bahagian hadapan dan belakang.
- Disusupkan di bawah epolet.

Selepang Darjah

- Dipakai di bahu kanan ke pinggang kiri.
- Disusupkan di bawah epolet.
- Dipakai sekali dengan lencana darjah.



TATACARA PEMAKAIAN SELEMPANG



1. Selempang bagi Darjah Kebesaran Darjah Kerabat Malaysia (DKM) dan Darjah Kerabat Negeri (DMN) (yang dikurniakan kepada Kerabat Diraja) hendaklah dipakai dari bahu kiri dan melabuh ke sebelah kanan pinggang. Lencana darjah berserta ikatan reben hendaklah terletak tepat pada sisi/jalur seluar.
2. Selempang bagi Darjah-darjah Kebesaran yang selain Darjah Kebesaran DKM dan DMN hendaklah dipakai dari bahu kanan melabuh ke kiri pinggang.
3. Jika memakai pakaian seragam No. 1 atau pakaian darjah untuk istiadat, selempang hendaklah disisipkan di bawah epolet.

TATACARA BERPAKAIAN UNTUK TETAMU (LELAKI)



HARI ISTIADAT

Bagi **tetamu** lelaki **dimestikan** berpakaian salah satu daripada pakaian-pakaian berikut:

- i. Pakaian Seragam No. 1;
- ii. Pakaian Darjah;
- iii. Baju Melayu; atau
- iv. *Lounge Suit*.

DESKRIPSI

Pakaian Seragam No. 1

Pakaian Seragam No. 1 perlu dipakai secara lengkap serta hanya boleh dipakai bagi mereka yang berhak memakainya, terdiri daripada **Pegawai-pegawai Kerajaan** yang telah diisytiharkan mempunyai Pakaian Seragam No. 1 (umpamanya pegawai PTD/ahli Parlimen/Polis/Tentera dan lain-lain).

Pakaian Darjah

Pakaian Darjah perlu dipakai secara lengkap serta boleh dipakai bagi mereka yang berhak memakainya iaitu individu yang telah dikurniakan Darjah Kebesaran (umpamanya Darjah Kebesaran yang dikurniakan kepada Kerabat Diraja, Darjah Kebesaran Persekutuan atau pun Negeri). Reka bentuk pakaian darjah adalah mengikut Persekutuan/Negeri yang pernah diterima.

Baju Melayu

Tetamu yang memilih untuk memakai Baju Melayu hendaklah dipakai secara lengkap dengan mengikuti tatacara seperti berikut:

- i. Baju Melayu Cekak Musang dan berwarna hitam berbutang lima;
- ii. bersongkok baldi hitam (sederhana tinggi);
- iii. bersampin songket hitam berbenang emas;
- iv. memakai sarung kaki berwarna hitam; dan

-
- v. kasut kulit hitam, bertumit sederhana tinggi dan berkilat.

Lounge Suit


Bagi tetamu bukan Islam, para diplomat serta tetamu dari luar negara dimestikan memakai *Lounge Suit* dengan mengikuti tatacara seperti berikut:

- i. *Lounge Suit* hendaklah berwarna hitam dan tidak bercorak atau bertekstur;
- ii. memakai baju kemeja lengan panjang berwarna cerah (*pastel*) dan tidak bercorak;
- iii. memakai songkok baldi warna hitam (sederhana tinggi);
- iv. bertali leher berwarna gelap dan bukan warna diraja;
- v. bersarung kaki berwarna hitam; dan
- vi. kasut kulit hitam, bertumit sederhana tinggi dan berkilat.

Lounge Suit yang selain daripada warna hitam, berbentuk *Sports Jacket* atau mempunyai reka bentuk yang tidak sesuai dengan majlis Istiadat

TIDAK DIBENARKAN MEMASUKI BALAIRUNG SERI.

CONTOH PAKAIAN TETAMU LELAKI YANG DIBENARKAN SEMASA HARI ISTIADAT



(Pakaian Istiadat/
Seragam No.1)



(Pakaian Darjah)




(Baju Melayu)



(Lounge Suit)



TATACARA BERPAKAIAN UNTUK TETAMU (WANITA)



HARI ISTIADAT

Bagi **tetamu** wanita **dimestikan** berpakaian seperti berikut:

- i. Pakaian Seragam No. 1;
- ii. Pakaian Darjah;
- iii. Baju Kurung/Kebaya Labuh; atau
- iv. Pakaian Kebangsaan.

DESKRIPSI

Pakaian Seragam No. 1

Pakaian Seragam No. 1 perlu dipakai secara lengkap serta hanya boleh dipakai bagi mereka yang **berhak memakainya**, terdiri daripada **Pegawai-pegawai Kerajaan** yang telah diisytiharkan mempunyai Pakaian Seragam No. 1 (umpamanya pegawai PTD/ ahli Parlimen/ Polis/Tentera dan lain-lain).

Pakaian Darjah

Pakaian Darjah perlu dipakai secara lengkap serta hanya boleh dipakai bagi mereka yang **berhak memakainya** iaitu individu yang telah dikurniakan Darjah Kebesaran (umpamanya Darjah Kebesaran yang dikurniakan kepada Kerabat Diraja, Darjah Kebesaran Persekutuan atau pun Negeri). Reka bentuk pakaian darjah adalah mengikut Persekutuan/ Negeri yang pernah diterima.

Baju Kurung/Kebaya Labuh

Penerima yang memilih untuk memakai Baju Kurung/ Kebaya Labuh hendaklah dipakai dengan mengikuti tatacara seperti berikut:

- i. berbaju kurung atau berkebaya labuh melebihi paras punggung (tidak ketat, tidak jarang, tidak terdedah di bahagian dada dan kainnya mestilah tidak berbelah);
- ii. warna pakaian hendaklah tidak sedondon dan selain warna diraja atau putih sedondon. Pakaian hendaklah mempunyai corak yang sesuai;
- iii. yang bertudung tidak dibenarkan memakai selendang di bahu;
- iv. yang tidak bertudung diwajibkan memakai selendang mengikut tatacara memakai selendang yang ditetapkan.

- v. memakai kasut kulit hitam dan bertutup (hadapan dan belakang), bertumit sederhana tinggi serta digalakkan memakai sarung kaki.

Pakaian Kebangsaan

Pakaian Kebangsaan adalah seperti berikut:

i. Baju Kurung/Kebaya Labuh

- a) panduan pemakaian adalah seperti yang diterangkan di atas.


ii. Sari

- a) dipakai oleh wanita India;
- b) warna pakaian hendaklah tidak sedondon dan warna pakaian tersebut mestilah selain warna diraja atau putih sedondon. Pakaian hendaklah mempunyai corak yang sesuai;
- c) pemakaian sari hendaklah tidak mencolok mata dan perlu menutupi keseluruhan bahagian perut dan belakang badan;
- d) sari hendaklah labuh serta berlengan hingga ke paras siku;
- e) memakai kasut kulit hitam dan bertutup (hadapan dan belakang), bertumit sederhana tinggi; dan
- f) tidak memakai aksesori yang berlebihan.

iii. Cheongsam

- a) dipakai oleh wanita Cina;
- b) warna pakaian hendaklah selain warna diraja atau putih sedondon. Pakaian hendaklah mempunyai corak yang sesuai;
- c) pemakaian Cheongsam hendaklah tidak terlalu ketat, tidak mencolok mata dan perlu menutupi bahagian dada serta keseluruhan bahagian belakang badan;
- d) Cheongsam hendaklah labuh sehingga ke buku lali serta berlengan hingga ke paras siku;
- e) Cheongsam hendaklah tidak mempunyai sebarang belahan yang menampakkan bahagian betis;
- f) dimestikan memakai kasut kulit hitam dan bertutup (hadapan dan belakang), bertumit sederhana tinggi; dan
- g) tidak memakai aksesori yang berlebihan.

CONTOH PAKAIAN TETAMU WANITA YANG DIBENARKAN SEMASA HARI ISTIADAT



(Pakaian Istiadat/
Seragam No.1)



(Pakaian Darjah)



Baju Kurung
(bertudung)



Baju Kurung
(tidak bertudung,
wajib berselendang)






Baju Kebangsaan
(Cheongsam)



Baju Kebangsaan
(Sari)



TATACARA MEMAKAI SELENDANG



Cara 1 :



Cara 2 :




Selendang perlu
dipin dengan kemas
di bahu

Cara 3 :



CONTOH PAKAIAN DAN KASUT YANG TIDAK DIBENARKAN



X



X



X



X




X



X

ADAB DALAM BALAIRONG SERI



1. Berdiri dan tunduk hormat apabila Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong lalu di hadapan hadirin.
2. Pakaian hendaklah mematuhi tatacara berpakaian yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Tatacara Berpakaian Istiadat DKBWP.
3. Duduk dengan penuh sopan, beradab dan postur yang betul. Tidak bersilang kaki atau bersila panggung, berlunjur mahupun duduk dengan gaya santai.
4. Tidak membuat bising atau berbual semasa istiadat dijalankan. Jika perlu berbual, hendaklah dengan penuh tertib dan perlahan.
5. Dilarang makan dan minum di dalam Balairong Seri.
6. Tidak keluar masuk ketika istiadat sedang berlangsung.

7. Tidak dibenarkan membawa kamera atau telefon bimbit (berkamera) atau mengambil gambar di dalam Balairong Seri. Kamera boleh ditinggalkan dengan Bentara Istana atau disimpan di dalam beg tangan masing-masing bagi wanita.
8. Telefon bimbit adalah dilarang dibawa masuk ke dalam Balairong Seri. Jika terpaksa, telefon berkenaan hendaklah dimatikan. Penggunaan '*silent mode*' juga tidak digalakkan kerana dibimbangi akan terdapat kemungkinan ianya berbunyi sendiri dan mengganggu suasana di dalam Balairong Seri.
9. Tidak dibenarkan merokok di dalam Balairong Seri.
10. Mengikut protokol, adab dan etika yang dimaklumkan oleh pihak Urus Setia Istiadat.